

Ahmad Radi buru emas keempat peribadi

ACARA taekwondo kategori pomsae dijangka menyumbang pingat emas pertama Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 yang memulakan cabaran di Universiti Kebangsaan (UKM), Bangi Selangor hari ini.

Justeru atlet pomsae Universiti Malaysia Sabah (UMS), Ahmad Radi, pemenang pingat emas tiga edisi lalu mahu melakar sejarah bagi merangkul pingat emas keempat pada temasya kali ini.

Ahmad Radi muncul pemenang pingat emas dalam temasya edisi pertama 2012 di Universiti Putra Malaysia (UPM), edisi kedua 2014 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan edisi ketiga 2016 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai dua tahun lalu sekali lagi akan bersaing dalam acara kegemarannya hari ini.

“Saya mahu menghasilkan keputusan terbaik bagi merangkul emas keempat berturut-turut pada SUKIPT 2018 kali ini kerana saya sudah meraih pingat emas hatrik bagi acara Pomsae dalam penganjuran SUKIPT sebelum ini,” katanya.

Pada edisi di UTM, Skudai dua tahun lalu UMS memulakan cabaran hari pertama dengan cemerlang apabila merangkul dua emas menerusi acara pomsae berpasukan lelaki dan kategori campuran.

Ahmad Radi bersama Raymond Toh Meng Hui, Lee Kim Qin merangkul emas acara pomsae berpasukan, manakala satu lagi emas disumbangkan oleh Ahmad Radi apabila bergandingan dengan Cheong Pui Sion dalam acara pomsae campuran.

Mengulas mengenai pencabar, Ahmad Radi menyifatkan atlet pomsae dari Universiti HELP

yang merupakan pencabar utama edisi lalu mampu menggugat usahanya dalam mempertahankan pingat emas.

Namun katanya, persiapan serta latihan intensif serta peningkatan yang ditunjukkan oleh rakan sepasukan lain sejak dua bulan lalu memberikan keyakinan tinggi untuk UMS mempertahankan kejuaraan.

“Saya berharap semua rakan atlet UMS dapat berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kejuaraan di SUKIPT 2018 menjadi milik pasukan taekwondo kami,” ujar Ahmad Radi.



AHMAD RADI (kiri) giat menjalani latihan dalam misi merangkul pingat emas keempat dalam acara pomsae pada SUKIPT di Bangi hari ini.

